

KPDNHEP Selangor kesan 21 kes arak tiruan sejak 2016

NILAI - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Petaling Jaya, Selangor merekodkan sebanyak 21 kes rampasan arak tiruan membabitkan nilai sebanyak RM350,256.68 pada tahun 2016 sehingga Oktober tahun ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Selangor, Azizan Abdullah berkata, kompaun keseluruhan ialah RM35,500 membabitkan denda di mahkamah sebanyak RM22,200.

Menurutnya, antara kes paling besar ialah rampasan 3,500 arak tiruan dianggarkan bernilai RM200,000 di sebuah rumah teres di Subang Jaya, Selangor pada April 2017.



Azizan (dua dari kanan) menunjukkan arak tiruan yang dirampas pada sidang akhbar di Nilai, Negeri Sembilan semalam.

“Kita dapati rumah yang disewa itu dijadikan lokasi memproses arak tiruan dengan menggunakan botol arak berjenama terpakai bagi

mengaburi mata pembeli.

“Arak itu akan dijual di sekitar kedai di Lembah Klang. Kesemua kes itu sudah selesai dan barang kes

juga dilupuskan,” katanya pada sidang akhbar program Pelupusan Eksibit Pejabat KPDNHEP Petaling Jaya di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP di sini semalam.

Beliau berkata, mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 8(2) Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu denda RM15,000 bagi pertubuhan perbadanan dan RM30,000 bagi kesalahan kedua atau berikutnya.

Katanya, jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi RM10,000 dan RM20,000 bagi kesalahan kedua atau berikutnya atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.